



**SURAT PEKELILING
KETUA HAKIM SYARIE NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 6 TAHUN 2021**

**PANDUAN PENGENDALIAN KES
DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
BERTARIKH 12 MEI 2021 SEHINGGA 7 JUN 2021**

1. PENDAHULUAN

Panduan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Kedah Darul Aman Dalam Tempoh PKP ini hendaklah dibaca bersama-sama dan dilaksanakan sebagai pelengkap kepada Sidang Media YAB Perdana Menteri bertarikh 10 Mei 2021.

2. ARAHAN

Peguam syarie / pihak-pihak / pelanggan mahkamah hendaklah mematuhi Panduan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Kedah Darul Aman Dalam Tempoh PKP.

3. PELAKSANAAN

- i. PROSIDING YANG TELAH DITETAPKAN DALAM TEMPOH PKP**
- a) Pengurusan Kes;
 - b) Sebutan;
 - c) Perbicaraan;
 - d) Majlis Sulh;

- e) Rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga;
- f) Majlis Tahkim; dan
- g) Pelaporan Jawatankuasa Pendamai

adalah seperti berikut:

- Semua prosiding yang telah ditetapkan dalam tempoh PKP akan dijadualkan semula.
- Penetapan tarikh baharu akan dimaklumkan kemudian mengikut kesesuaian tarikh mahkamah.

ii. **PENDAFTARAN DAN PEMFAILAN DOKUMEN:**

a) Pendaftaran dan pemfailan dokumen dibenarkan bagi semua kes secara temujanji seperti berikut :

- Dengan mengakses aplikasi *picktime* <https://www.picktime.com/JKSNK>; atau
- menghubungi pegawai bertugas seperti yang tertera di dalam laman sesawang <https://syariah.kedah.gov.my/>.

b) Waktu urusan ditetapkan pada hari Ahad sehingga hari Khamis bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 12.30 tengahari sahaja.

iii. **PENGENDALIAN SEBUTAN KES**

a) Sebutan kes dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi *google meet*.

b) Arahan Ketua Hakim Syarie Bilangan 2 Tahun 2021 adalah terpakai.

iv. **PENGENDALIAN PERBICARAAN**

- a) Tarikh perbicaraan akan ditetapkan oleh mahkamah melalui Notis Kehadiran.
- b) Peguam syarie / pihak-pihak hendaklah hadir mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan dalam notis tersebut.
- c) Peguam syarie / pihak-pihak perlu mengemukakan notis tersebut kepada pegawai bertugas atau mengikut apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh mahkamah.
- d) Hanya peguam syarie / pihak-pihak yang terlibat dengan kes sahaja dibenarkan berada dalam bangunan mahkamah.

v. **PENTADBIRAN WAKALAH PEGUAM SYARIE DAN AFIDAVIT**

- a) Pentadbiran wakalah peguam syarie dan afidavit boleh dilaksanakan melalui sidang video atau apa-apa aplikasi lain yang dibenarkan oleh mahkamah.
- b) Arahan Amalan No. 5 Tahun 2014 adalah terpakai.

vi. **LARANGAN KEHADIRAN**

Peguam syarie / pihak-pihak / pelanggan berikut dilarang untuk hadir ke Mahkamah jika—

- disahkan positif COVID-19;
- suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius;
- bergejala seperti demam, batuk, selsema atau sesak nafas;
- merupakan kontak rapat kepada kes positif COVID-19;

- telah dikategorikan sebagai *Person Under Investigation (PUI)* / *Person Under Surveillance (PUS)*; atau
- telah menjalani ujian calitan (*swab test*) tetapi belum mendapat keputusan.

vii. **PERATURAN SEMASA BERURUSAN DI MAHKAMAH**

Peguam syarie / pihak-pihak / pelanggan yang hadir untuk prosiding kes atau mendaftar kes baharu atau apa-apa urusan lain perlu melalui proses berikut:

- Memeriksa suhu (bacaan suhu di bawah 37.5 darjah celcius sahaja dibenarkan untuk meneruskan urusan).
- Peguam syarie / pihak-pihak / pelanggan yang mengalami masalah kesihatan dinasihat menangguhkan dahulu hasrat hadir ke mahkamah sehingga benar-benar sembuh.
- Peguam syarie / pihak-pihak / pelanggan wajib membawa dan memakai pelitup muka sepanjang berurusan di mahkamah.
- Peguam syarie / pihak-pihak yang terlibat dengan kes sahaja dibenarkan masuk ke bangunan mahkamah.
- Mengimbas QR Code MySejahtera atau mengisi butiran maklumat dalam buku daftar kehadiran pelanggan.
- Menggunakan sanitizer yang disediakan.
- Sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal.

Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan peguam syarie / pihak-pihak / pelanggan **DILARANG** untuk berurusan.

4. MAKLUMAT PENGOPERASIAN MAHKAMAH

Maklumat lanjut berhubung dengan pengoperasian Mahkamah akan sentiasa dikemaskini di laman sesawang <https://syariah.kedah.gov.my/> dan sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pegawai bertugas.

5. KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 12 Mei 2021 sehingga 07 Jun 2021.
Arahan terdahulu adalah terbatal.

**YANG AMAT ARIF
KETUA HAKIM SYARIE**

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN
11 MEI 2021**